



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA GAYA ASUHAN IBU BAPA DAN PENGHARGAAN
KENDIRI DENGAN TINGKAH LAKU DELINKUEN REMAJA***

LOGANATHAN A/L GOPAL

FPP 2015 6



**HUBUNGAN ANTARA GAYA ASUHAN IBU BAPA DAN PENGHARGAAN KENDIRI DENGAN
TINGKAH LAKU DELINKUEN REMAJA**

Oleh

LOGANATHAN A/L GOPAL

Tesis Ini Dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Sarjana Sains

Mei 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Buat isteriku yang tercinta Muthulechumi Ramasamy,
terima kasih kerana sangat memahami dalam segala situasi.*

*Untuk ayahanda Gopal Suppiah dan
Bonda Vijayah Kunjikkannan,
yang sangat mengutamakan pendidikan sejak kecil, terima kasih.*

*Buat anakanda L. Gurubaran, L. Dawinaash, L. Thivayasrii
, M. Gunaseelan dan M. Satiha
semoga menjadi pendorong untukmu berjaya.*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

HUBUNGAN ANTARA GAYA ASUHAN IBU BAPA DAN PENGHARGAAN KENDIRI DENGAN TINGKAH LAKU DELINKUEN REMAJA

Oleh

Loganathan A/L Gopal

Mei 2015

Pengerusi : Norlizah Bt Che Hassan, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan penghargaan sendiri dengan tingkah laku delinkuen remaja di sekolah integriti. Objektif utama kajian ini adalah untuk menyelidiki sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu-bapa dan penghargaan sendiri dengan tingkah laku delinkuen remaja. Penyelidik menggunakan Teori Pembelajaran Sosial Bandura dalam menghuraikan jenis, punca, ciri-ciri dan kesan delinkuen terhadap remaja dan mangsa. Tingkah laku bermasalah sama ada tegar ataupun tidak dapat diterangkan berdasarkan pelbagai teori. Salah satu daripadanya ialah Teori Pembelajaran Sosial Bandura. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan dilaksanakan dalam bentuk deskriptif dan korelasi. Dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah berasaskan faktor-faktor latar belakang mereka, seramai 220 orang pelatih telah dipilih dari tiga buah sekolah integriti iaitu Sekolah Integriti Kluang, Sekolah Integriti Kajang dan Sekolah Integriti Muar untuk dijadikan sampel kajian ini. Gaya asuhan ibu bapa telah diukur menggunakan soal selidik *Parental Authority Questionnaire (PAQ)* dan penghargaan sendiri telah diukur menggunakan Skala Harga Diri Rosenberg. Delinkuen remaja pula diukur menggunakan soal selidik *Self-Reported Delinquency Survey*. Kajian ini menunjukkan pelatih yang di bawah jagaan ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif lebih cenderung untuk melakukan tingkah laku delinkuen ($r = .754$ yang signifikan, $p \text{ value} = 0.000$). Kajian ini mempunyai implikasi penting kepada peranan ibu bapa dalam membanteras tingkah laku delinkuen yang meningkat. Ibu bapa perlu mewujudkan suasana keluarga yang positif kerana ia akan membantu membentuk nilai-nilai positif dalam keluarga yang dapat meningkatkan tingkah laku positif pada anak-anak. Kajian juga menunjukkan semakin tinggi ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan autoritatif dan autoritarian, semakin rendah kekerapan tingkah laku delinkuen remaja. Oleh itu melalui kajian ini penyelidik juga berharap ibu bapa dapat menentukan keutamaan dan menetapkan masa khusus untuk aktiviti keluarga. Perancangan bagi menggunakan masa lapang dibuat secara bersama tanpa mengongkong matlamat dan keputusan. Dalam masa yang sama, ibu bapa akan lebih percaya bahawa setiap ahli keluarga mempunyai hak untuk menggunakan masa mengikut budi bicara masing-masing. Selain itu, kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku delinkuen dengan penghargaan sendiri.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

Relationship Between Parenting Style And Self-Esteem With Delinquent Behaviour Among Adolescents

By

Loganathan S/O Gopal

May 2015

Chair : Norliza Bt Che Hassan, PhD

Faculty : Educational Studies

This study aimed to investigate the relationship between parenting style and parental self-esteem and delinquent behavior of adolescents in schools integrity. The main objective of this study was to investigate whether there is a correlation between upbringing styles of parents and self-esteem of adolescents with delinquent behavior. Researchers using Bandura's Social Learning Theory in describing the nature, causes, characteristics and effects of juvenile delinquent and the victim. Delinquent behavior either rigid or cannot be explained by various theories. One of these is the Social Learning Theory Bandura. This study is conducted in the form of quantitative and descriptive and correlation. By using simple random sampling method based on the factors of their background, a total of 220 trainees were selected from three schools integrity of the Kluang Integrity School, Kajang Integrity School and Muar Integrity School to be sampled in this study. Parenting style was measured using a questionnaire Parental Authority Questionnaire (PAQ) and Self-esteem was measured using Rosenberg Self-Esteem Scale. Delinquent adolescents were measured using questionnaires Self-Reported Delinquency Survey. This study shows that pupils in the care of parents who adopt a permissive parenting style were more likely to commit delinquent behavior ($r = .754$, which significant, p value = 0.000). This study has important implications for the role of parents in combating rising delinquent behavior. Parents also need to create a family atmosphere that is positive because it will help to shape positive values in the family that can increase positive behavior in children. Therefore, through this study the researchers also hope parents can set priorities and set specific time for family activities. Planning to use the free time made jointly without restrictive goals and results. At the same time, parents will have more confidence that each family member has a right to use the time at the discretion of each. The study also shows that the higher the parents who adopt an authoritative and authoritarian parenting style, the lower the frequency of juvenile delinquent behavior. In addition, the study also showed that there was no significant relationship between delinquent behavior and self-esteem.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Tuhan maha pemurah, berkuasa lagi maha mengasihani yang dengan limpah kurniaNya telah menganugerahkan kekuatan dan kesihatan kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini.

Saya berasa amat terhutang budi kepada Dr. Norlizah Bt Che Hassan dari Fakulti Asas Pendidikan dan Dr. Wan Marzuki Bin Wan Jaafar dari (Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Kaunseling) Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang merupakan penyelia-penyelia saya dalam menjalankan penyelidikan ini. Di atas segala bimbingan, teguran dan idea-idea bernas yang telah disumbangkan sehingga tesis ini disiapkan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengarah Kependidikan Malaysia kerana memberi kebenaran kepada saya menjalankan penyelidikan ini di sekolah-sekolah integriti, iaitu sekolah integriti Kluang, sekolah integriti Muar dan sekolah integriti Kajang. Kepada Pengarah-pengarah sekolah dan pelatih-pelatih sekolah integriti yang terlibat dalam penyelidikan ini, terima kasih juga diucapkan.

Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutama ibu bapa saya En. S.Gopal dan Pn. K. Vijayah, isteri Pn. R. Muthulechumy serta abang ipar saya, Dr. D. Jeyagobi yang sentiasa memberi motivasi dan sokongan sehingga menamatkan penyelidikan saya. Tidak ketinggalan juga rakan-rakan saya Tn. Hj. Badorashiam Bin Bahaman, En. Mohd. Radzi Bin Abu Bakar, Tn Hj. Mustakim Bin Mustamat bekas kaunselor SMK Sagil dan En. R. Utaman guru SMK SRI TANGKAK yang sentiasa membantu dan tunjuk ajar terutamanya semasa saya menghadapi masalah.

Akhirnya, saya akan menjadikan pengalaman yang dialami sebagai satu ilmu pengetahuan dan kemahiran pada masa depan. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberi bantuan kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Segala jasa akan diingati dan dihargai. Sekian, terima kasih.

KELULUSAN



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Norlizah Bt Che Hassan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Wan Marzuki Bin Wan Jaafar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT , PhD
Profesor dan Dekan,
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Loganathan A/L Gopal (GS33855)


Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____ Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____ Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 : Bilangan Kes Baharu Kanak-kanak Bermasalah Mengikut Jenis Kesalahan Kumpulan Umur dan Jantina 2011.	6
2.1 : Gaya Keibubapaan Dua Dimensi Baumrind	33
2.2 : Gaya Keibubapaan dan Kebolehan Sosial Remaja	34
3.1 : Taburan Item	54
3.2 : Hasil Kajian Rintis	56
3.3 : Ujian Normaliti	58
3.4: Garis Panduan Guilford's Rule of Thumb	59
3.5: Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	60
4.1 : Taburan Responden Mengikut Ras	63
4.2: Taburan Responden Mengikut Umur	64
4.3: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	64
4.4: Taburan Responden Mengikut Agama	65
4.5: Taburan Responden Mengikut Bilangan Adik-Beradik	65
4.6 :Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Bapa	66
4.7: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bapa	66
4.8: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu	66
4.9: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Ibu	67
4.10 : Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Ibu	67
4.11: Taburan Responden Mengikut Pendidikan Bapa	68
4.12: Taburan Tahap Gaya Asuhan Ibu bapa kepada Responden di Sekolah Integriti	68
4.13 : Taburan Tahap Tingkah Laku Delinkuen	69
4.14: Tahap Tingkah Laku Delinkuen	70
4.15 : Analisis Korelasi Koefisien Pearson Antara Gaya Asuhan dan Tingkah Laku Delinkuen	71
4.16 : Analisis Korelasi Koefisien Pearson Antara Penghargaan Kendiri dan Tingkah Laku Delinkuen	71
4.17 : Analisis Regresi Terhadap Tingkah Laku Delinkuen	73
4.18 : Rumusan Hipotesis Kajian	74

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 : Konsep Determinisme Timbal Balik Dalam Teori Pembelajaran Sosial	21
2.2 : Pemboleh Ubah Dalam Kajian	24
2.3 : Kerangka Teoretikal	25
2.4 : Model Tingkah Laku Delinkuen Berasaskan Teori Pembelajaran Sosial Bandura	36
3.1 : Q-Q Plot	59



SENARAI SINGKATAN

IPG	Institut Perguruan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
L	Lelaki
N	Bilangan Responden
P	Perempuan
PAQ	<i>Parental Authority Questionnaire</i>
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
RES	<i>Rosenberg Self Esteem</i>
SI	Sekolah Integriti
SP	Sisihan Piawai (Standard Deviation)
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
SRD	<i>Self Reported Delinquency Survey</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
KELULUSAN	vi
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
1. LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Masalah	2
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Hipotesis Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Skop Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	13
1.9 Definisi Konsep	14
1.9.1 Gaya Asuhan ibu bapa	14
1.9.2 Penghargaan Kendiri	15
1.9.3 Delinkuen	15
1.9.4 Remaja	16
1.10 Rumusan	17
2. SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Teori - Teori Tentang Tingkah laku	19
2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial Bandura	19
2.3 Kerangk Konsep	23\
2.4 Kerangka Teoretikal	25
2.4.1 Model Gaya Keibubapaan	31
2.4.2 Model Tingkah laku Delinkuen	35
2.5 Kajian-Kajian Gaya Asuha Ibu Bapa Dan Penghargaan Kendiri Serta Delinkuen Remaja	37
2.5.1 Kajian Gaya Asuhan Ibu Bapa	37
2.5.2 Gaya Asuhan Ibu bapa Autoritatif	38
2.5.3 Gaya Asuhan Ibu bapa Autoritarian	40
2.5.4 Gaya Asuhan Ibu bapa Permisif	42
2.5.5 Penghargaan Kendiri Remaja	45
2.5.6 Tingkah Laku Delinkuen Remaja	47
2.6 Rumusan	49
3. METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	50
3.2 Reka Bentuk Kajian	50
3.3 Populasi dan Persempelan Kajian	51
3.3.1 Populasi	51
3.3.2 Sampel Kajian	52
3.4 Alat Kajian	52
3.4.1 Bahagian A : Maklumat Diri	53

3.4.2 Bahagian B : Soal Selidik Cara gaya Keibubapaan (Buri)	53
3.4.3 Bahagian C: Soal Selidik:- Penghargaan Kendiri	55
3.4.4 Bahagian D: Delinkuen Remaja	55
3.5 Kajian Rintis	56
3.6 Kesahan	57
3.7 Pengumpulan Data	57
3.8 Penganalisaan Data	57
3.9 Tatacara Kajian	61
3.10 Rumusan	62
4. DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	63
4.2 Analisis Latar Belakang Responden	63
4.3 Analisis Deskriptif	68
4.3.1 Taburan Tahap Gaya Asuhan Ibu bapa Pada Responden di Sekolah Integriti	68
4.3.2 Taburan tingkah laku delinkuen	69
4.4 Analisi Inferensi	70
4.4.1 Hubungan antara penghargaan sendiri dengan tingkah laku delinkuen	71
4.4.2 Analisis Regresi	72
4.5 Rumusan	74
5. PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN KAJIAN DAN RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	75
5.2 Persoalan Kajian	75
5.2.1 Persoalan Kajian 1	75
5.2.2 Persoalan Kajian 2	76
5.2.3 Persoalan Kajian 3	76
5.2.4 Persoalan Kajian 4	77
5.2.5 Persoalan Kajian 5	81
5.2.6 Persoalan Kajian 6	83
5.3 Implikasi Teoretikal	84
5.4 Implikasi Praktikal	86
5.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	88
5.6 Rumusan	90
BIBLIOGRAFI	92
LAMPIRAN	114
BIODATA PELAJAR	132

BAB SATU

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Golongan remaja atau muda-mudi adalah aset yang berharga, pewaris dan harapan pada masa hadapan kepada masyarakat dan negara. Kejayaan golongan remaja ini penting kepada kita untuk memastikan mereka bersedia membawa wadah perjuangan pemimpin sekarang pada masa hadapan. Kini kita dapat melihat semakin ramai anak muda kita yang berpelajaran tinggi mempunyai kesedaran dan penghayatan terhadap agama masing-masing.

Tidak dinafikan, anak-anak secara semula jadi memandangkan gaya keibubapaan mereka dahulu sebagai panduan hidup mereka. Sekiranya ibu bapa tidak menjadi contoh yang baik dan ibu bapa sendiri terpengaruh dengan unsur-unsur negatif Barat, maka tidak hairanlah anak-anak mereka juga berkelakuan sedemikian. Keluarga merupakan sebuah institusi sosial yang memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku moral pelajar (Suboh, Azizi, & Hamzah, 2011). Sarjit (2007) dalam kajian pula menegaskan bahawa golongan yang bertanggungjawab dalam kewujudan budaya jenayah sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah adalah keluarga, iaitu ibu bapa.

Di Amerika Syarikat, kadar delinkuen remaja walaupun menurun dari jumlah keseluruhan jenayah, tapi ia masih menjadi masalah yang serius di negara itu. Sekitar 2.5 juta remaja yang ditangkap setiap tahun kerana pelbagai jenayah di Amerika, dengan jumlah 100,000 kes jenayah ganas. Namun, dianggarkan bahawa isu ini boleh menjadi lebih besar daripada tangkapan yang ditunjukkan (Keadilan Juvana Asas Statistik, 2011).

Berdasarkan perangkaan Jenayah Indeks seluruh Negara bagi tempoh Januari hingga September 2006, sebanyak 170,481 kes telah dilaporkan berbanding sebanyak 151,444 pada tempoh sama 2005. Hal ini menunjukkan, peningkatan sebanyak 19,037 kes atau 12.57 %. Daripada jumlah ini, sebanyak 4,414 kes atau 2.59 % membabitkan golongan juvana dan 1,436 kes atau 0.84 % melibatkan golongan pelajar. Manakala pada tahun 2010, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia telah menjalankan satu kajian ke atas 2,403 responden yang menunjukkan bahawa seramai 2249 responden iaitu 94.0% pernah melakukan tingkah laku berisiko sekurang-kurangnya sekali. Manakala 154 responden, iaitu 6.0% mengatakan tidak pernah melakukan perkara tersebut (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010). Menurut Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kegiatan jenayah dalam kalangan kanak-kanak dan pelajar kini dilihat membimbangkan berikutan mereka mula terjebak dengan kumpulan gengster. Beliau berkata, statistik menunjukkan pada 2012, hanya 368 kanak-kanak atau pelajar yang terlibat dalam kegiatan jenayah, namun jumlah itu meningkat kepada 542 pelajar pada 2013 iaitu peningkatan sebanyak 47 peratus (BERNAMA, 29 Mac 2014).

Oleh itu, situasi ini menunjukkan bahawa kejadian demi kejadian yang berlaku dalam kalangan remaja kini sangat membimbangkan semua pihak. Bagi pembentukan jati diri individu, faktor persekitaran sosial terutama ibu bapa, rakan sebaya, guru, media massa dan sebagainya perlu memainkan peranan yang penting (Stapa, 2012). Pada dasarnya, tempoh umur 12 hingga 18 tahun adalah sangat penting daripada sudut pandangan kriminologi. Sebagai contoh, banyak banduan dewasa mempunyai rekod jenayah semasa zaman kanak-kanak dan remaja (Dretzke et al., 2004, Sue et al, 2008; Rafiee, A., Baratvand, M., Zarei, E., Asadollahi, A., & Kalantar, J., 2012).

Statistik terkini, jumlah kes jenayah membabitkan pelajar sekolah dan remaja di seluruh negara pada tempoh enam bulan pertama tahun 2013 sehingga Jun lalu menunjukkan peningkatan 873 kes atau kenaikan kepada 149 peratus berbanding 335 kes untuk tempoh sama, tahun 2012. Memetik pendedahan perkara itu, Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembantaran Jenayah Bukit Aman Datuk Wira Ayob Yaakob berkata, ada antara pelajar berkenaan turut terbabit dengan aktiviti kongsi gelap (Sinar Harian, 2 Disember 2013). Masalah tingkah laku

dalam kalangan remaja sangat merisaukan kerana mencetuskan bahaya terhadap sosioekonomi, emosi dan kognitif kepada belia dan berpotensi untuk mengancam kehidupannya dan kos kehidupan dan akhirnya kepada masyarakat (Biglan, Brennan, Foster,; Holder, 2004)

1.1 Latar belakang Masalah

Penyelidik dan pembuat dasar ramai menganggap delinkuen remaja sebagai salah satu daripada isu-isu sosial yang paling kritikal di dunia (Tarolla, Wagner, Rabinowitz, & Tubman, 2002). Satu kajian oleh Kimberly Kempf-Leonard dan rakan-rakannya (Kempf-Leonard, Tracy, dan Howell, 2001) memberitahu. Kempf-Leonard et al. dikaji lebih daripada 27,000 kerjaya delinkuen dari 1958 Philadelphia Lahir Cohort Kajian dan diikuti belia sehingga umur 27. Di kalangan remaja yang telah budak jahat yang serius, 48% telah ditangkap sebagai orang dewasa. Untuk budak jahat ganas, 53% telah ditangkap sebagai orang dewasa. Untuk budak jahat kronik, 59% telah ditangkap semasa dewasa. Bagi mereka yang serius dan kronik pesalah juvana, 63% telah ditangkap semasa dewasa. Untuk budak jahat yang ganas dan kronik, lebih 63% telah ditangkap sebagai orang dewasa. Pendek kata, lebih dalam remaja yang menjadi termaktub dalam nya kenakalan, tingkah laku antisosial semakin besar kemungkinan akan menjadi masalah sepanjang hayat.

Kenyataan yang perlu dipandang serius ialah ramai dalam kalangan remaja yang rosak akhlak adalah mereka yang masih berada di alam persekolahan. Contohnya dapatan kajian yang dijalankan oleh penyelidik Barat seperti Yoncalik (2010); Finn, Fish, & Scott (2008); Beaman, R., Wheldall, K., & Kemp, C.(2007); Weerman, Harland, & Van Der Laan. (2007); Lee, Chen, Lee, & Kaur (2007); Infantinoa & Little (2005); Johnson (2003); Bryant, Schulenberg, Bachman, O'Malley, & Johnston (2000); Goyette, Dore, & Dion (2000); Kann & Hanna (2000); Supaporn (2000); mendapati tingkah laku delinkuen yang dilakukan oleh remaja bermula daripada gangguan di bilik darjah, kemungkaran, vandalisme harta benda sekolah (Mahasneh A. M., Md. Nor, S., Bin Md. Aroff, A. R., M. Abdullah, N. S., Abu Samah, B., & Mousa Mahasneh, A. M., 2011).

Oleh itu, dapat rumuskan bahawa gaya kehidupan remaja kini berbanding dengan remaja dahulu amat berbeza. Walaupun mereka mempunyai keperluan hidup yang sama dengan remaja masa dahulu, tetapi aspek yang berbeza di antara kedua kelompok remaja ini ialah keadaan persekitaran dan gaya asuhan ketika mereka membesar dan cara kehidupan dalam ruang serta masa yang khusus ini. Faktor ini merupakan antara faktor utama yang harus diberikan pemerhatian. Patterson, et. al, (1992), juga mencadangkan bahawa gaya asuhan seperti gaya asuhan permisif dan autokratik juga menyebabkan remaja berkelakuan delinkuen. Contohnya, disiplin yang tidak berkesan seperti marah, pukul dan kekurangan pemantauan dalam masalah tingkah laku meningkat dalam kalangan kanak-kanak dan tingkah laku antisosial dalam kalangan remaja (Boeldt, Rhee, Dilalla, Paula, Schulz-Heik, 2012). Manakala kajian Mohd Taib Dora (2004) yang mendapati bahawa cara gaya asuhan autokratik iaitu ibu bapa yang kurang memberi kasih sayang dan penjagaan yang ketat menyebabkan pembentukan tingkah laku tidak bermoral dan tingkah laku delinkuen remaja.

Di sekolah, pelajar yang bertentangan dengan norma masyarakat setempat ataupun dalam institusi sekolah dikenali sebagai delinkuen. Perkataan delinkuen jarang digunakan dalam bahasa harian di negara ini. Masyarakat lebih suka memberi label kepada kumpulan ini sebagai samseng, perogol, kaki ponteng, penagih dadah, homoseksual, lesbian dan sebagainya (Ab. Rahman Hj. Ismail, 2008). Hasil kajian mendapati faktor keluarga, latar belakang pendidikan, pengaruh rakan sebaya, media massa dan masyarakat menyumbang ke arah remaja melakukan jenayah dan delinkuen. Tambahan pula, ada kajian membuktikan bahawa faktor umur, tempat tinggal dan latar belakang keluarga merupakan antara penyumbang utama kepada pelbagai masalah sosial dalam kalangan remaja (Problems & Decade, 2010).

Pembabitan remaja dalam jenayah merupakan salah satu faktor yang mengaitkan dengan keruntuhan akhlak remaja. Pada asasnya, tempoh umur 12 tahun hingga 18 tahun adalah sangat penting daripada sudut pandangan kriminologi. Sebagai contoh, dalam kalangan banduan dewasa mempunyai rekod jenayah semasa zaman kanak-kanak dan remaja (Dretzke J., Rew, E., Davenport, C., Barlow, J., Stewart-Brown, S., Sandercock, J.

& Taylor, R., 2005; Sue D., Sue, D. & Sue, S., 2008) dan (Rafiee et al., 2012). Ibu Pejabat Polis Johor Baharu, Johor pula melaporkan bahawa terdapat peningkatan kes juvana antara tahun 2001 sehingga April 2004. Faktor penyebab kepada masalah ini iaitu, keciciran dalam pelajaran, pengaruh rakan sebaya yang tinggi sehingga tiada kawalan daripada ibu bapa terhadap pergaulan bebas dengan rakan sebaya, ibu bapa juga mengabaikan keluarga sehingga memberi kebebasan penuh iaitu mereka mengasuh anak-anak dengan cara gaya asuhan permisif; dan kemiskinan keluarga (Mohd Taib Dora, 2004).

Perilaku negatif seperti penolakan, kecuaiian dan permusuhan berkait dengan delinkuen. Anak-anak muda yang mengalami penolakan oleh orang lain yang signifikan seperti ibu bapa berada pada risiko untuk membangunkan pemikiran mental yang menyimpang tentang diri mereka dan persekitaran mereka (Rohner, 2004), yang mungkin menjelaskan sebab anak-anak muda ini lebih cenderung untuk menunjukkan tingkah laku delinkuen. Sokongan aspek negatif mempunyai hubungan signifikan yang lebih kuat dengan delinkuen daripada kurangnya sokongan dan kehangatan. Penemuan ini mempunyai implikasi bagi teori yang model dimensi sokongan keibubapaan sebagai suatu yang berkesinambungan dengan aspek-aspek positif seperti kehangatan, kasih sayang dan serta penerimaan kehadiran sokongan aspek-aspek negatif (Rohner, 2004)

Terdapat pelbagai faktor penyebab kepada perlakuan ganas dan semakin banyak faktor ini wujud dalam hidup mereka, lebih banyak kemungkinan mereka akan melakukan perbuatan ganas. Anak-anak muda yang mengalami penolakan daripada orang lain yang penting seperti ibu bapa, berada pada risiko untuk membangunkan mental yang diputarbelitkan diri mereka dan persekitaran mereka (Rohner, 2004), yang boleh menjelaskan sebab anak-anak muda ini adalah lebih cenderung untuk menunjukkan tingkah laku delinkuen (Hoeve, Dubas, Eichelsheim, Van Der Laan, Smeenk, W., & Gerris, 2009).

Justeru, dapat disimpulkan bahawa kemerosotan dari segi asuhan ibu bapa, didikan, bimbingan dan kawalan ialah salah satu punca keruntuhan akhlak remaja. Tambahan lagi, tekanan hidup, kesibukan kerja, mengejar kemewahan serta aktiviti sosial, menyebabkan ibu bapa dan anak kurang mempunyai masa atau kesempatan untuk bercakap, berbincang, berdamping antara satu sama lain, malah jarang berpeluang bersua muka. Malah, ibu bapa tidak dapat memberi asuhan dan didikan, mereka memberikan kebebasan penuh kepada anak-anak.

Sementara itu, remaja pula tidak mendapat pemerhatian, bimbingan dan panduan hidup yang sempurna sehingga menyebabkan remaja tersebut akan membuat cara hidup tersendiri dan melakukan apa-apa yang difikirkan betul. Berbeza pada masa dahulu kebanyakan remaja bergaul dengan orang-orang tua di tempat-tempat ibadat seperti masjid, tokong dan kuil serta di majlis keramaian dan dapat melihat kematangan remaja walaupun dalam usia yang masih muda. Namun pada masa ini, pergaulan remaja dengan orang dewasa semakin renggang apatah lagi nilai kemasyarakatan juga semakin terhakis. Justeru, dunia pelajar hanya dalam kumpulan masing-masing dan mereka tidak dapat melihat dunia luar yang sebenar (Marzita, 2003).

Selain itu, kemerosotan disiplin anak muda atau remaja juga disebabkan oleh keluarga yang terlalu mewah cara hidupnya yang mengamalkan cara gaya asuhan permisif. Sebagai contoh, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif yang terlalu memanjakan anak-anak kerap memberikan wang saku yang banyak. Hal ini menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh remaja lain untuk bersuka-suka. Kesan pergaulan bebas dan terpengaruh dengan rakan sebaya yang keruntuhan akhlak akan memburukkan lagi keadaan. Bahkan, sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang kelakuan dan pergaulan anak remaja mendorong mereka kepada keruntuhan akhlak. Remaja yang terdedah terlalu awal kepada alam masyarakat yang mempunyai sikap yang kompleks tanpa bimbingan mencukupi daripada ibu bapa juga merupakan salah satu faktor keruntuhan akhlak mereka. Maccoby dan Martin (1983) mengatakan bahawa corak keibubapaan permisif pada keseluruhannya mempunyai lebih kesan negatif daripada kesan positif kepada tingkah laku anak mereka. Mereka juga lebih cenderung mempunyai masalah dalam persepsi diri, kecekapan akademik, impulsif dan salah laku sebagai kesan kekurangan pengawasan ibu bapa (Lamborn, Mounts, Steinberg, & Dornbusch, 1991; Steinberg, Blatt-Eisengart, & Cauffman, 2006; Afriani, A., Baharudin & Siti Nor, Y. and Nurdeng, 2012)

Ghafani (2007) mengatakan bahawa akhlak anak bermula daripada rumah kerana sejak kecil lagi sebahagian besar masa anak berada dalam lingkungan keluarga. Hal ini menyebabkan perkembangan mental, fizikal dan sosial adalah di bawah kawalan ibu bapa atau tertakluk kepada skrip hidup yang berlaku dalam sesebuah rumah tangga. Oleh yang demikian, jika anak remaja menjadi nakal atau liar, kemungkinan besar puncanya adalah berasal dari gaya asuhan keluarga itu sendiri (Suboh et al., 2011). Pendapat penyelidik ini selari dengan Arieff dan Wardah (2006) yang menjelaskan ibu bapa yang sibuk dengan kerja boleh menyebabkan hubungan antara anak dengan ibu bapa renggang. Apabila anak-anak pulang dari sekolah, ibu bapa tiada di rumah. Oleh itu, remaja lebih suka menghabiskan masa bersama rakan-rakan sebelum pulang ke rumah.

Pada tahun 2011, Jabatan Kebajikan Malaysia telah merekodkan bilangan kes baharu yang disabitkan kepada kanak-kanak mengikut jenis kesalahan mengikut kumpulan umur dan jantina. Seramai 10,712 kes disabitkan ke atas kanak-kanak pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut 51 % iaitu 5,547 kes yang disabitkan kepada remaja yang berumur 18 tahun hingga 21 tahun. Manakala 4,025 kesnya disabitkan pada remaja 16 tahun hingga 17 tahun. Seramai 1,049 kes disabitkan pada remaja berumur 13 tahun hingga 15 tahun. Antara kesalahan yang disabitkan adalah kerosakan harta benda sebanyak 2,743 kes dan penyalahgunaan dadah sebanyak 1,096 kes. Statistik ini juga menunjukkan bahawa remaja berumur 16 tahun hingga 21 tahun berisiko tinggi melakukan kesalahan delinkuen. Jadual 1.1 menunjukkan statistik bilangan kes baharu kanak-kanak bermasalah mengikut jenis kesalahan.

Jadual 1.1: Bilangan Kes Baharu Kanak-kanak Bermasalah Mengikut Jenis Kesalahan Kumpulan Umur dan Jantina 2011

Jenis Kesalahan	10-12 Tahun			13-15 Tahun			16-17 Tahun			18-21 Tahun			Jumlah		
	L	P	JUM	L	P	JUM	L	P	JUM	L	P	JUM	L	P	JUM
Bersabit dengan harta benda	32	3	35	633	19	652	1862	38	1900	151	5	156	2678	65	2834
Bersabit dengan orang	11	0	11	106	2	108	555	5	560	82	1	83	754	8	837
Akta kesalahan kecil	0	0	0	23	1	24	50	3	53	2	0	2	75	4	77
Melanggar Syarat Pengawasan	0	0	0	0	0	0	27	0	27	3	0	3	30	0	33
Dadah	27	1	28	98	13	111	766	99	865	87	5	92	978	118	1070
Judi	0	0	0	1	2	3	29	4	33	6	0	6	36	6	42
Senjata Api	2	0	2	16	0	16	50	0	50	4	0	4	72	0	76
Lalulintas	4	0	4	36	10	46	190	9	199	11	2	13	241	21	254
Lari dari Sekolah Didikan	0	0	0	1	0	1	2	0	2	0	0	0	3	0	3
Lain-lain	10	1	11	62	26	88	310	26	336	21	2	23	403	55	426
Jumlah	86	5	91	976	73	1049	3841	184	4025	367	15	382	5270	277	5652

Sumber: <http://www.jkm.gov.my>

Menurut Eshleman (2000) delinkuen keluarga ini tidak berlaku dalam masyarakat yang kehidupan berkeluarga autoritatif yang dicirikan oleh sikap kerjasama, komitmen, berkongsi dan kesamaan. Sebaliknya, delinkuen keluarga adalah lebih lazim terdapat dalam masyarakat kerana golongan lelaki mengawal kehidupan golongan wanitanya, terdapatnya penerimaan penyelesaian secara ganas terhadap konflik dan ibu-ibu menanggung sebahagian besar tanggungjawab menjaga dan membesarkan anak-anak.

Institusi keluarga dan keluarga itu sendiri mempunyai peranan serta pengaruh besar dalam menyediakan anggota masyarakat remaja menghadapi cabaran-cabaran dan tanggungjawab pada masa akan datang. Dalam hal ini, masyarakat hendaklah meninjau dan memahami aspirasi dan hasrat remaja tersebut supaya mereka menyedari hakikat mempunyai tugas dan peranan penting sebagai generasi pengganti dalam bangsa dan negara yang sedang membangun.

Selain itu, masalah delinkuen juga disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya yang didapati daripada kajian Haslina (2000), menjelaskan bahawa delinkuen dan tindakan ganas oleh para remaja merupakan perlakuan yang diwarisi oleh para remaja yang lebih muda daripada remaja lelaki yang lebih tua dan aktiviti-aktiviti mereka tertumpu di beberapa kawasan luar sekolah. Bagi para pelajar pula, rakan adalah tempat mereka

mencurahkan masalah dan pengganti ibu bapa, terutamanya bagi golongan yang mempunyai masalah di rumah. Rakan-rakan dapat mencorakkan personaliti individu tertentu. Justeru, ibu bapa perlu mengambil tahu segala aktiviti dan rakan-rakan yang sentiasa berdamping dengan anak-anak mereka. Menurut Amir Hasan (2002) ibu bapa, pihak sekolah, rakan sebaya dan media massa saling berperanan dalam mengatasi masalah disiplin mengikut teori fungsionalisme.

Oleh itu, rakan dan keluarga merupakan dua entiti sosial yang berbeza yang membantu pemikiran seseorang. Apabila berada di rumah, seseorang itu akan bergaul dengan ahli keluarganya dan di luar pula bergaul dengan rakan-rakannya. Namun begitu, remaja merasakan ibu bapa sebagai pengongkong dan rantai yang mengikat mereka dari kebebasan. Menurut DWI Ramayanti (2000) salah satu ciri remaja adalah berusaha untuk melepaskan diri daripada bergantung dengan ibu bapa dan sebaliknya bergantung kepada rakan-rakannya. Ibu bapa pula merasakan keliru dengan tingkah laku remaja dan diburukkan lagi dengan pergeseran dan akhirnya berlaku konflik. Apabila remaja mengalami masalah sebegini, mereka lebih selesa memerlukan seseorang seperti rakan sebagai tempat untuk mengadu dan berbincang masalah. Manakala menurut Abd. Rahim (2006) pula, penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya.

Situasi ini memberi kesan dan kesukaran untuk mengenal pasti dan menentukan dengan tepat sebab dan alasan kebanyakan remaja terbabit dalam pelbagai masalah sosial. Sarjana tempatan adan mengatakan bahawa wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja adalah akibat daripada rapuhnya institusi keluarga itu sendiri. Keadaan ini menyebabkan institusi keluarga tidak lagi dapat memainkan peranannya dan hilang pengaruhnya. Jika ibu bapa tidak mempunyai persefahaman, sentiasa bertegang urat, tidak dapat berkomunikasi dengan baik, tidak dapat menunjukkan contoh yang baik, dikhuatiri golongan remaja tidak mendapat manfaat daripada hubungan dan suasana seperti ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Hasil penyelidikan Kordi (2010), menggambarkan bahawa gaya keibubapaan berwibawa dikaitkan dengan tahap yang lebih tinggi pencapaian sekolah remaja. Sikap dan gaya keibubapaan membawa kepada pencapaian sekolah kanak-kanak. Ia telah membuat kesimpulan bahawa sikap ibu bapa dan gaya mempunyai kesan yang kuat ke atas anak-anak mereka. Oleh itu, pencapaian kanak-kanak dapat digambarkan oleh sikap ibu bapa mereka dan gaya. Oleh itu, ketidakseimbangan di kalangan ahli keluarga boleh menimbulkan masalah bagi mereka, khususnya bagi remaja dan kanak-kanak. Penemuan yang paling jelas muncul dari kajian ini adalah bahawa pencapaian kanak-kanak dapat digambarkan oleh sikap ibu bapa mereka dan gaya. Walau bagaimanapun, lebih banyak penyelidikan mengenai topik ini perlu diambil Kordi (2010).

Kordi (2010), juga mengkaji kajian empirikal pencapaian sekolah kanak-kanak. Sumbangan sikap keibubapaan dan gaya telah diperiksa berhubung dengan pencapaian sekolah kanak-kanak. Hubungan yang kuat antara pencapaian sekolah kanak-kanak dan sikap ibu bapa dan gaya dilaporkan dalam akhbar itu. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa gaya keibubapaan berwibawa dikaitkan dengan tahap yang lebih tinggi pencapaian sekolah kanak-kanak, walaupun penemuan kekal konsisten merentasi budaya dan masyarakat. Maka kajian masa depan boleh meneroka beberapa isu penting mengenai tingkah laku remaja.

Manakala Kaisa, Hakan and Jari-erik (2000) telah mengkaji sejauh mana strategi pencapaian remaja dikaitkan dengan gaya keibubapaan dalam keluarga. Tiga ratus lima puluh empat remaja berusia 14 tahun lengkap strategi dan atribusi soal selidik dan inventori gaya keibubapaan keluarga. Berdasarkan laporan remaja gaya keibubapaan, empat jenis keluarga telah dikenal pasti. Ini adalah berwibawa, autoritarian, permisif dan gaya keibubapaan lalai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa remaja daripada keluarga yang berwibawa diamalkan strategi pencapaian penyesuaian yang dicirikan oleh tahap rendah jangkaan kegagalan, tingkah laku tugas tidak relevan, pasif dan simbol diri meningkatkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya keibubapaan mempengaruhi pencapaian akademik remaja.

Kajian Jeynes (2003), pula dalam analisis-meta yang mengandungi 21 kajian, kesan penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian akademik kanak-kanak minoriti adalah penting untuk semua kumpulan kecil. Untuk semua kumpulan, penglibatan ibu bapa secara keseluruhan, terjejas semua pemboleh ubah akademik sekurang-kurangnya 2/10 unit sisihan piawai. Walau bagaimanapun, keputusan menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa memberi kesan pencapaian akademik pelajar-pelajar minoriti Kajian Jeynes,(2003). Penglibatan ibu bapa telah muncul sebagai salah satu topik yang paling penting hari ini di kalangan pendidikan. Hari ini, penyelidik telah menunjukkan kesan penglibatan ibu bapa dan kesannya terhadap aspek tertentu keibubapaan (Jeynes, 2000).

Apabila mengkaji tingkah laku delinkuen dari segi kes membuli, Crick and Nelson, (2002), telah memaparkan keperluan untuk mendekati kajian membuli dari perspektif yang lebih luas dan tidak hanya mengambil kira bahagian fizikal daripada perbuatan yang ganas. Malah, ia telah diperhatikan bahawa implikasi keganasan hubungan adalah sangat penting, kerana ini jenis keganasan seolah-olah memberi pengaruh penting dalam hubungan interpersonal bahawa remaja yang terlibat akan berkembang di masa depan mereka sebagai orang dewasa (Crick and Nelson, 2002).

Manakala, Ojo (2012), mengatakan senarai pecah rumah dan pencapaian pendidikan yang rendah sebagai sebahagian daripada punca-punca delinkuen, yang diturunkan di YCTC kerana kebanyakan kanak-kanak lelaki adalah dari keluarga yang bermasalah. Sesetengah kanak-kanak lelaki telah anak-anak yatim tanpa penjaga sebelum tangkapan mereka, yang lain mempunyai ibu bapa tunggal atau bercerai, dan beberapa mempunyai ibu bapa dalam perbezaan utama, yang lain ibu bapa atau penjaga adalah penagih alkohol yang tidak boleh menawarkan keibubapaan yang baik.

Selain daripada itu, masalah tingkah laku dalam usia remaja perlu diberi pemerhatian kerana bahaya berlaku terhadap sosioekonomi, emosi dan kognitif kepada belia berpotensi untuk mengancam kehidupan dan kos kehidupan akhirnya kepada masyarakat (Biglan, Brennan, Foster ; Holder, 2004). Keluarga merupakan antara pengaruh utama dalam kehidupan seseorang remaja. Kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak akan menjejaskan masa depan mereka yang boleh menyebabkan mereka terbabat dengan gejala-gejala sosial dan tidak mampu untuk membentuk diri mereka menjadi orang yang berguna dan berwawasan (Rohayati, 2004). Menurut Abd. Rahim (2006) pula, pembabitan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri iaitu aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan jua pengaruh rakan sebaya.

